

19/08/1998

Garis panduan segerakan projek kecil

IPOH, Selasa - Kerajaan yakin lebih 90 peratus projek kecil di luar bandar bawah RM100,000 dapat dilaksanakan menjelang akhir tahun ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, berkata, ketika ini pelaksanaan projek kecil di luar bandar sudah mencapai tahap 60 peratus selepas tendernya diserahkan terus kepada peringkat daerah.

Menurut beliau, sebelum ini, banyak projek kecil luar bandar diluluskan, tetapi dilaksanakan agak lewat berikutan terikat dengan beberapa prosedur tertentu, katanya kepada pemberita selepas majlis perhimpunan Warga Desa (Wacana Cinta Negara) di sini hari ini.

Bagaimanapun, Annuar berkata, mesyuarat mingguan Kabinet dijangka membincangkan beberapa garis panduan baru untuk memudahkan pelaksanaannya.

"Ini termasuk garis panduan baru bagi projek kecil luar bandar yang diperuntukkan kepada wakil rakyat seperti program keagamaan, bencana alam, membantu rakyat termiskin dan program kurang upaya," katanya.

"Selain itu, kementerian juga meneliti masalah kewangan. Ini sedang dilakukan oleh Perbendaharaan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan memberikan tumpuan terhadap projek yang sudah diluluskan dan tidak menghadapi masalah prosedur, tetapi masih lewat.

Sementara itu, Annuar berkata, kementeriannya sedang mencetak siri ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pelbagai aspek, termasuk menangani kegawatan ekonomi.

Menurutnya, pihaknya akan mencetak lebih 40,000 ucapan itu untuk diedarkan kepada badan bukan kerajaan (NGO), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta pemimpin masyarakat.

Menerusi usaha itu, katanya, masyarakat diharap mendapatkan gambaran sebenar mengenai kegawatan ekonomi.

(END)